




PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARI KHAMIS: 13 NOVEMBER 2008

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 6, 7, 12 HINGGA 32)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 5,
8 HINGGA 11**

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING (TAIPING)

TARIKH : 13 NOVEMBER 2008

SOALAN

Tuan Nga Kor Ming (Taiping) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah jumlah perbelanjaan secara terperinci mengikut acara sukan untuk menyiapkan atlet negara serta kos mengambil bahagian dalam Sukan Olimpik Beijing 2008.

JAWAPAN

Secara tradisinya negara-negara yang mengambil bahagian di Temasya Sukan Olimpik akan dibiayai sepenuhnya oleh tuan rumah termasuk kos tambang kapal terbang, makan dan penginapan sepanjang tempoh temasya ini berlangsung. Ini adalah syarat yang ditetapkan oleh Majlis Olimpik Antarabangsa (International Olympic Committee) kepada tuan rumah yang menganjurkan Sukan Olimpik.

Perbelanjaan untuk persiapan atlet:

1. Dalam persiapan kontinjen negara ke arah Sukan Olimpik Beijing 2008, Majlis Sukan Negara telah memperuntukkan sebanyak **RM 9,369,971.00 juta** kepada 10 jenis sukan yang memberi tumpuan kepada **194 atlet** di bawah Program Latihan Atlet Elit yang dijangka mampu melayakkan diri ke Sukan Olimpik Beijing 2008. Atlet-atlet tersebut akan menyertai latihan dan pertandingan serta kejohanan kelayakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan oleh Majlis Sukan Negara dan Persatuan Sukan Kebangsaan.
2. Dari jumlah 194 atlet tersebut, hanya **40 atlet (23 lelaki dan 17 wanita)** dari **10 sukan** (termasuk sukan Wushu – acara demo Sukan Olimpik) berjaya layak untuk bertanding di Sukan Olimpik Beijing 2008. Atlet – atlet ini telah menjalani program latihan dan pertandingan secara khusus mengikut perancangan yang telah ditetapkan oleh Majlis Sukan Negara dan Persatuan Sukan


Kebangsaan bagi mempersiapkan diri untuk bertanding di Sukan Olimpik Beijing 2008.

3. Bagi program persediaan ke arah Sukan Olimpik, atlet yang berjaya melayakkan diri layak menerima **Skim Insentif Sukan Olimpik** sebanyak **RM 5000.00 secara tunai**. Atlet juga akan menerima elaun latihan tambahan sebanyak **RM 1000.00 bermula dari tarikh mereka melayakkan diri sehingga Sukan Olimpik**.

Kos mengambil bahagian dalam Sukan Olimpik Beijing 2008:

1. Namun begitu, perbelanjaan sebenar bagi kontinjen negara ke Sukan Olimpik Beijing 2008 bagi penyertaan **40 atlet dari 10 jenis sukan** adalah berjumlah **RM 4,922,585.00**.

2. Berikut adalah perincian perbelanjaan mengikut sukan semasa Olimpik, Beijing:

	SUKAN	ATLET	KHIDMAT KEPAKARAN	PERALATAN/ KEMUDAHAN	PROGRAM BINAAN	PROGRAM BERSAMA	JUMLAH BESAR
1	AKUATIK - RENANG	124,250.00	0.00	24,000.00	174,736.00	-	322,986.00
	AKUATIK - TERJUN	138,350.00	0.00	86,000.00	547,560.00	-	771,910.00
2	ANGKAT BERAT	27,700.00	0.00	100,000.00	42,775.00	-	170,475.00
3	BADMINTON	329,400.00	0.00	84,000.00	456,150.00	40,000.00	909,550.00
4	BERBASIKAL	196,420.00	0.00	153,735.00	635,022.00	-	985,177.00
5	MEMANAH	104,400.00	0.00	37,210.00	231,760.00	-	373,370.00

SOALAN NOMBOR : 6

BIL	SUKAN	ATLET	KHIDMAT KEPAKARAN	PERALATAN/ KEMUDAHAN	PROGRAM BINAAN	PROGRAM BERSAMA	JUMLAH BESAR
6	MENEMBAK (ISSF)	29,200.00	0.00	50,000.00	71,960.00	-	151,160.00
7	OLAHRAGA	87,000.00	88,100.00	48,000.00	153,403.00	-	376,503.00
8	PELAYARAN	21,700.00	0.00	33,600.00	77,350.00	-	132,650.00
9	TAEKWONDO	63,400.00	0.00	0.00	195,535.00	-	258,935.00
10	WUSHU	229,700.00	0.00	0.00	234,889.00	5,280.00	469,869.00
	JUMLAH	1,351,520.00	88,100.00	616,545.00	2,821,140.00	45,280.00	4,922,585.00

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK BILLY
ABIT JOO
(HULU RAJANG)**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2008

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan jumlah rumah-rumah panjang yang belum dapat dihubungi dengan jalan raya di Sarawak. Apakah cadangan Kementerian untuk menyelesaikan/ mengurangkan beban penduduk di kawasan tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Y.B. Datuk, Kementerian ini dimaklumkan sehingga kini terdapat sebanyak 3,563 tuai rumah yang berdaftar di negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut, Kementerian telah membina jalan sepanjang 16.34 km, bagi menghubungkan penduduk di rumah panjang ke pekan-pekan berhampiran.

Namun begitu, Kementerian ini sedar masih terdapat banyak lagi rumah-rumah panjang yang belum dihubungi dengan jalan. Walau bagaimanapun seperti mana Y.B. Datuk sedia maklum pembangunan prasarana memerlukan perbelanjaan yang besar. Oleh yang demikian, pelaksanaannya perlu di buat secara berperingkat-peringkat mengikut keupayaan kewangan Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa

TARIKH: 13 NOVEMBER 2008

SOALAN:

Y.B. Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah yang diambil bagi menangani pembuangan kerja warga industri dari sudut pembelaan undang-undang dan kebajikan mereka dan berapakah peruntukan yang ditetapkan.

PR-1213-L14709

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah menjadi dasar Kementerian Sumber Manusia (KSM) untuk memberi perhatian yang serius kepada isu pemberhentian pekerja. Di bawah Akta Kerja 1955, adalah menjadi kewajipan majikan untuk memberi notis kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum tindakan pemberhentian pekerja dilaksanakan. Ini bertujuan membolehkan jabatan mengambil tindakan-tindakan untuk membantu pekerja yang hendak diberhentikan seperti berikut:

- a) bantu pekerja yang terlibat di dalam mengira dan mendapatkan bayaran pampasan yang layak diterima oleh mereka melalui kuat kuasa undang-undang.
- b) Membantu pekerja-pekerja yang terlibat mendapatkan pekerjaan baru.

c) Merundingkan dengan majikan untuk mengadakan latihan dalam kemahiran-kemahiran baru termasuk kemahiran keusahawanan untuk pekerja-pekerja yang terlibat bagi membolehkan mereka mencari pekerjaan baru atau menjalankan perniagaan.

Selain daripada itu KSM telah pun menubuhkan Jawatankuasa Penempatan Semula Pekerja Tempatan Yang Diberhentikan. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk mengambil langkah-langkah yang sesuai dan berkesan untuk menangani masalah pemberhentian pekerja.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi pekerja yang diberhentikan kerja secara pembuangan kerja kerana syarikat gulung tikar, majikan tidak dapat dikesan atau majikan menghadapi masalah kewangan dan tiada pampasan diberi kepada pekerja, Kementerian bercadang dan sedang merangka satu skim baru, iaitu Faedah Pemberhentian Pekerja (*Retrenchment Scheme*). Skim ini bertujuan meringankan beban kewangan pekerja terlibat untuk tempoh sementara.

Cadangan ini mengambil sedikit masa kerana Kementerian ini perlu mengambil kira pandangan daripada semua pihak yang terlibat khasnya pihak majikan dan pihak pekerja supaya satu formula “win-win” boleh dicapai agar pelaksanaan skim itu lebih berkesan dan “sustainable”.

Di samping itu, bagi majikan yang mencarum kepada Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), mereka boleh melatih semula pekerja yang diberhentikan kerja melalui PSMB.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTTALIB [MARAN]**
TARIKH : 13 NOVEMBER 2008
RUJUKAN : 1322

SOALAN :

Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah wanita asing dan tempatan yang ditangkap dalam tempoh 2005 hingga 2007 kerana terlibat dengan kegiatan pelacuran dan masalah sosial serta apakah langkah tegas Kerajaan dalam menangani masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Maran yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik PDRM, jumlah tangkapan wanita warganegara asing yang dikenal pasti terlibat dengan kegiatan pelacuran dari tahun 2005 sehingga 2007 adalah seramai **20,099** orang. Manakala, tangkapan pelacur tempatan dari tahun 2005 sehingga 2007 adalah seramai **1,494** orang.

Tuan Yang Dipertua,

PDRM mengambil beberapa tindakan bagi membendung gejala pelacuran di negara ini dengan:-

- i. mengenal pasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dalam kegiatan pelacuran dan mereka dikenakan tuduhan di bawah undang-undang yang berkaitan;
- ii. mengambil tindakan terhadap penganjur dan mereka yang terlibat di dalam aktiviti ini di bawah berbagai Akta yang

- memberi kuasa kepada Kerajaan untuk membentaras kegiatan pelacuran yang melibatkan rakyat tempatan atau warga asing;
- iii. mengenal pasti tempat-tempat yang sering menjadi *point of entry* penyeludup-penyeludup yang membawa masuk wanita-wanita warganegara asing;
 - iv. menjalin kerjasama dalam pertukaran maklumat dan risikan antara penguat kuasa luar negara dan juga penguat kuasa tempatan;
 - v. mengadakan operasi-operasi secara berkala atau dari semasa ke semasa ke atas tempat-tempat yang dikenal pasti menjadi sarang kepada aktiviti pelacuran seperti rumah-rumah tumpangan, pusat-pusat hiburan dan rumah-rumah urut; dan
 - vi. menyenaraihitamkan wanita-wanita warganegara asing yang dikenal pasti sering memasuki negara ini khusus untuk menjalankan kegiatan pelacuran.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan
DARIPADA : Dato' Hj. Wan Abd. Rahim Wan Abdullah
[Kota Bharu]
TARIKH : 13 November 2008

SOALAN : Dato' Hj. Wan Abd. Rahim Wan Abdullah
[Kota Bharu] minta **MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**
menyatakan jumlah peruntukan
penyelidikan ke atas padi dan apakah
hasil-hasil penyelidikan yang dapat
dikomersilkan bagi meningkatkan hasil padi
negara.

JAWAPAN : MARDI telah diberi peruntukan berterusan bagi
menjalankan aktiviti penyelidikan padi. Dalam RM ke-8
jumlah peruntukan yang diterima oleh MARDI adalah
sebanyak sebanyak RM 31,632,462.00 untuk projek-
projek R&D/pembangunan penyelidikan padi. Dalam
RMKe-9 pula jumlah peruntukan bagi projek
R&D/Pembangunan yang di peruntukan untuk
penyelidikan padi adalah sebanyak RM50,202,738.00.

Penyelidikan tanaman padi merupakan salah satu bidang penyelidikan yang giat dan berterusan dilaksanakan oleh MARDI. Stesen penyelidikan utama adalah di MARDI Seberang Perai dengan stesen sokongan di Parit, Tanjung Karang, Alor Setar dan Bukit Raya. Teknologi-teknologi yang dihasilkan oleh MARDI meliputi teknologi pengeluaran, pemprosesan, bioteknologi, mekanisasi, teknologi makanan dan juga ekonomi. Teknologi-teknologi tersebut dihasilkan dari masa ke semasa untuk menjamin peningkatan hasil dan pendapatan para pesawah dan pengeluaran beras negara. Antara teknologi pengeluaran yang dihasilkan oleh MARDI adalah seperti berikut :

- Varieti - Sehingga kini lebih daripada 30 varieti berhasil tinggi telah dihasilkan oleh MARDI. Varieti MR232 adalah varieti padi terbaru yang telah diisytihar pada tahun 2006. Selain itu varieti terdahulu seperti MR 84, MR 219 dan MR 220 merupakan varieti padi yang banyak ditanam kira 90% kawasan di Semenanjung.oleh pesawah dengan keupayaan hasil melebihi 6 t/ha.
- MARDI juga telah menghasilkan teknologi tanaman tabur terus yang kini diamalkan oleh sebahagian besar pesawah dinegara kita. Teknologi ini diperkenalkan seawal 1982.

- Teknologi kawalan perosak seperti serangga , siput dan tikus serta penyakit. Pengawalan siput gondang emas secara intergrasi dengan penggunaan Kimia, Kultura dan biologi perlu untuk kawalan berkesan. Racun baylucide dan Siputox untuk kawalan kimia. Selain itu, amalan kultura seperti membina parit keliling dan umpan juga perlu. Kawalan menggunakan itik (50 ekor/ekar) dapat membantu mengawal siput gondang emas.
- Teknologi pengurusan pembajaan tepat dimana pembajaan dibuat mengikut keperluan pokok dan kesuburan tanah di sesuatu lokasi.
- Teknologi penapakan tanaman untuk menjamin penapakan dan pertumbuhan anak padi yang optimum untuk hasil tinggi.
- Teknologi kawalan padi angin
- Pembangunan teknologi mekanisasi bagi pengeluaran padi.

Impak daripada teknologi yang diperkenalkan telah dapat meningkatkan hasil pengeluaran padi negara.

Dengan menerimapakai teknologi-teknologi yang telah dihasilkan oleh MARDI disamping bantuan dan penglibatan pihak kerajaan serta usaha yang bersungguh-sungguh oleh pesawah, hasil padi negara akan terus meningkat. Ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk mencapai 86 peratus keperluan beras negara menjelang tahun 2010 selain mengurangkan import beras.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN
(TANJONG MANIS)
TARIKH : 13.11.2008

SOALAN:

Y.B. PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS] minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) markah kelulusan *passing mark* bagi peperiksaan UPSR, PMR dan SPM berbanding dengan 5,10, 15 dan 20 tahun dahulu; dan
- (b) jika ianya diturunkan, apakah sebab-sebabnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) dan (b)

Kementerian Pelajaran (KPM) menggunakan kaedah yang digunapakai di peringkat antarabangsa bagi penentuan gred dan markah sempadan (*standard fixing*) untuk menjamin kualiti keputusan semua jenis peperiksaan awam pada setiap tahun. Antaranya berdasarkan kaedah statistik untuk melihat trend pencapaian setara, berdasarkan kepada laporan yang diperolehi daripada pembina item (penggubal item) dan juga pemeriksa kertas jawapan.

Dalam hal ini juga, pakar-pakar pentaksiran dari luar negara dipanggil untuk memastikan kaedah yang kita laksanakan diperakui dan diiktiraf di peringkat antarabangsa. Oleh yang demikian, tidak timbul isu mengenai sama ada KPM menaikkan atau menurunkan gred dan markah sempadan bagi semua peperiksaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN TAN TEE BENG
(NIBONG TEBAL)
TARIKH : 13 NOVEMBER 2008 (KHAMIS)

SOALAN:

Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan mengenai Rakan Muda telah diabaikan kepentingannya sebagai persatuan belia baru-baru ini. Apakah rancangan Kementerian untuk memajukan persatuan ini ke arah memantapkan Pembangunan Modal Insan di kalangan remaja di negeri ini.

JAWAPAN

1. Untuk makluman Y.B. Nibong Tebal, Kementerian Belia dan Sukan tidak pernah mengabaikan mana-mana persatuan belia termasuklah Rakan Muda. Ini kerana Rakan Muda itu sendiri merupakan salah satu program pembangunan sosial yang berfungsi sebagai sebuah Bahagian di Kementerian Belia dan Sukan yang menjalankan program-program khusus untuk para remaja yang berumur antara 15 hingga 25 tahun. Sehubungan itu, tidak timbul soal Rakan Muda diabaikan.
2. Kementerian melalui Bahagian Pembangunan Rakan Muda juga sentiasa berusaha ke arah memantapkan Pembangunan Modal Insan yang bukan sahaja di Pulau Pinang, bahkan di seluruh negara dengan melibatkan pelbagai program dan aktiviti.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program-program Rakan Muda yang dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan sememangnya mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan remaja (15 - 25 tahun). Sehingga tahun 2006, seramai 5.35 juta remaja telah menyertai Program Rakan Muda di seluruh negara melalui 267,489 aktiviti. Selain itu, berdasarkan kepada data maklumat yang diperolehi melalui rekod pendaftaran kad keahlian Rakan Muda mulai 18 Ogos 2007 hingga 1 November 2008, sejumlah 118,155 orang remaja berusia lingkungan umur 15 hingga 25 tahun telah mendaftar sebagai ahli Rakan Muda. Berdasarkan analisis yang diperolehi, pecahan jantina peserta adalah seramai 68,530 (58%) orang remaja lelaki dan 49,625 (42%) orang remaja perempuan telah turut mendaftar.

4. **Perancangan Kementerian untuk memantapkan Pembangunan Modal Insan di seluruh negara khususnya di Pulau Pinang:**

Perancangan Kementerian untuk memantapkan lagi program Pembangunan Modal Insan di seluruh negara melalui pendekatan program Rakan Muda khususnya di Pulau Pinang ialah menjurus kepada pendekatan pelaksanaan Program Rakan Muda berdasarkan kepada 8 Gaya Hidup yang digubal berdasarkan kepada minat dan cita rasa golongan muda. Lapan (8) gaya hidup Rakan Muda tersebut ialah **Rakan Wajadiri, Rakan Kecergasan, Rakan Wira Usaha, Rakan Masyarakat, Rakan Cinta Alam, Rakan Seni Budaya, Rakan Inovasi dan Gaya Hidup Remaja Siber** serta penekanan tiga program utama di bawah payung Rakan Muda iaitu Rakan Muda Wawasan Desa, Rakan Muda Jiran Muda dan Rakan Muda Sukarelawan.

Untuk makluman, pada 29 Mei 2007 Rakan Muda telah melalui proses "Rebranding" iaitu dengan memperkenalkan program Rakan Muda Fasa II yang lebih berkonsepkan "***Dari Remaja, Untuk Remaja***". Program Rakan Muda merupakan sebagai salah satu program pembangunan sosial dengan tumpuan untuk melahirkan generasi pewaris yang sempurna, bertanggungjawab, aktif, berkeyakinan dan berupaya mengawal diri (jati diri) serta menghapuskan amalan-amalan negatif seperti lepak dan sebagainya. Penekanan kepada elemen pembangunan diri remaja, seperti patriotisme, kesukarelaan, berbudaya, pendidikan moral, pembangunan dan selaras dengan pembentukan modal insan yang diberi penekanan oleh kepimpinan negara.

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN

- PERTANYAAN : Jawab Lisan
DARIPADA : Dato' Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan
(Keningau)
TARIKH : 13 November 2008 (Khamis)
SOALAN : Dato' Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan
minta Menteri Pertanian dan Industri Asas
Tani menyatakan

Sama ada Kerajaan bercadang untuk menyemak semula subsidi untuk membajak sawah sebanyak RM100 satu ekar memandangkan kos pembajakan sawah padi telah meningkat hampir sekali ganda. Bilakah Kerajaan akan meningkatkan pemberian subsidi untuk membantu golongan petani.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Program Insentif Pengeluaran Padi yang dijalankan oleh Kerajaan telah bermula pada 1 Mac 2007. Di bawah insentif ini, Kerajaan telah memperkenalkan Bantuan Ubah Bajak yang bertujuan untuk meringankan beban petani dalam membiayai kos membajak sawah. Peruntukan Bantuan Upah Bajak bagi tahun 2007 ialah sebanyak RM27.93 juta manakala bagi tahun 2008 pula sebanyak RM54.94 juta. Kadar bantuan yang diberikan ialah sebanyak RM100.00 per hektar semusim dan bayaran ini akan disalurkan kepada petani melalui Lembaga Pertubuhan Peladang.

Kementerian sedar dan tidak menafikan bahawa kos bagi upah membajak telah meningkat naik. Walau bagaimanapun, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan kadar bantuan upah bajak ini. Walaupun kadar Bantuan Upah Bajak ini tidak dinaikkan, Kerajaan telah memperuntukkan sebilangan besar peruntukan untuk subsidi dan insentif lain bagi membantu meningkatkan pendapatan dan meringankan beban petani.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT

SOALAN 18 : PR-1213-L14783
PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK CHUA SOON BUI (TAWAU)
TARIKH : 13 NOVEMBER 2008
SOALAN : Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan :-

- (a) mengapakah terdapat diskriminasi terhadap warga Malaysia yang memohon permit melawat (Visas) untuk melawat England, Amerika Syarikat dan Jepun berbanding layanan terhadap warga negara-negara jiran Malaysia; dan
- (b) apakah pelan yang dirancang Kementerian untuk menghapuskan diskriminasi tersebut yang telah menimbulkan kebimbangan dan kemarahan di antara warga Malaysia yang ingin melancong ke negara-negara berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Tawau ke atas soalan yang dikemukakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini prosedur permohonan visa yang dikenakan kepada warganegara Malaysia untuk ke Amerika

Syarikat dan Jepun adalah sama dengan prosedur yang dikenakan kepada warganegara lain. Bagi permohonan visa ke Amerika Syarikat, pemohon perlu mengisi borang permohonan secara *'on-line'*, manakala bagi Jepun pula permohonan visa hendaklah dilakukan di Kedutaan Besar Jepun di Kuala Lumpur. Perlu saya tegaskan di sini bahawa keputusan muktamad samada permohonan visa diterima atau ditolak adalah hak negara yang mengeluarkannya.

Merujuk kepada United Kingdom, sehingga hari ini rakyat Malaysia yang ingin melancong ke United Kingdom tidak dikenakan visa bagi tempoh tinggal yang tidak melebihi 6 bulan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13.11.2008

Tuan Lim Guan Eng (Bagan) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah cukai yang dikutip setiap tahun dari Pulau Pinang sejak 2000 dan berikan pecahan mengikut cukai perseorangan, korporat dan lain-lain.

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 03.12.2008

Tuan Lim Guan Eng (Bagan) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah cukai yang dikutip setiap tahun dari Pulau Pinang sejak 2000 dan berikan pecahan mengikut cukai perseorangan, korporat dan lain-lain. Berikan juga bilangan pembayar cukai dan berapa banyak yang dikembalikan kepada negeri Pulau Pinang setiap tahun.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Bagan pada hari ini bersama-sama dengan pertanyaan beliau yang dijadualkan dijawab pada 3 Disember 2008 kerana menyentuh perkara yang sama iaitu mengenai jumlah cukai yang dikutip di negeri Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Yang Berhormat, sistem kutipan cukai berdasarkan negeri hanya diwujudkan mulai tahun 2001. Kutipan cukai sebelum tahun tersebut adalah berdasarkan kawasan iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Pecahan kutipan cukai mengikut kategori cukai pendapatan syarikat, individu dan lain-lain yang dikutip di negeri Pulau Pinang sejak tahun 2001 adalah seperti berikut:

TAHUN	SYARIKAT (RM Juta)	INDIVIDU (RM Juta)	LAIN-LAIN (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
2001	1,033.72	675.66	278.48	1,987.86
2002	1,289.29	461.41	408.39	2,159.09
2003	1,123.18	599.43	276.67	1,999.28
2004	1,056.20	632.77	355.45	2,044.42
2005	1,222.17	737.38	275.93	2,235.48
2006	1,320.76	815.93	310.21	2,446.90
2007	1,540.41	940.78	265.25	2,746.44
Jumlah (2001-	8,585.73	4,863.36	2,170.38	15,619.47

2007)				
-------	--	--	--	--

3. Bilangan pembayar cukai di negeri Pulau Pinang dari tahun 2001 pula adalah seperti berikut:

TAHUN	SYARIKAT	INDIVIDU	LAIN-LAIN
2001	27,077	365,176	13,410
2002	29,793	393,344	15,871
2003	31,545	423,169	17,570
2004	33,451	429,130	17,534
2005	35,186	422,852	18,054
2006	36,841	437,290	18,732
2007	38,286	467,187	21,304

4. Manakala jumlah pemberian dalam bentuk geran kepada negeri Pulau Pinang dari tahun 2001 adalah seperti berikut:

TAHUN	GERAN (RM Juta)
2001	73.65
2002	95.57
2003	93.43
2004	92.23
2005	88.80
2006	96.87
2007	126.87

5. Walau bagaimanapun, jumlah pemberian ini tidak termasuk jumlah peruntukan tahunan yang disalurkan melalui kementerian dan agensi Persekutuan yang lain.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE
TARIKH : 13 November 2008

SOALAN:

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) Adakah Kerajaan bercadang untuk memperluaskan kawasan pembangunan Iskandar Malaysia ke daerah Kota Tinggi dan bilakah ia akan dilaksanakan; dan
- (b) Apakah limpahan pembangunan ekonomi dan sosial yang akan dinikmati oleh rakyat Kota Tinggi khususnya di Parlimen Tenggara dengan adanya Iskandar Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kawasan pembangunan Iskandar Malaysia merangkumi daerah Johor Bahru, Kulaijaya dan sebahagian daerah Pontian. Pada masa ini, **pihak Kerajaan tidak bercadang untuk memperluaskan kawasan tersebut.** Kerajaan berpendapat bahawa adalah wajar bagi keluasan keseluruhan Iskandar

Malaysia dikekalkan bagi tujuan pentadbiran, perancangan, dan pembangunan yang berkesan untuk jangka masa ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Pembangunan Iskandar Malaysia merupakan projek nasional yang akan menjana pertumbuhan ekonomi secara lebih pesat serta membawa kesan limpahan pembangunan ke kawasan persekitaran. Cadangan pembangunan projek infrastruktur seperti Lebuhraya Pinggir Pantai dan Lebuhraya Senai-Desaru umpamanya, bertujuan meningkatkan rangkaian hubungan pengangkutan dan akses yang lebih baik antara Iskandar Malaysia dan kawasan persekitaran. Ini akan memudahkan mobiliti awam dan barangan dan meningkatkan perdagangan antara kawasan serta pembangunan sektor ekonomi lain seperti pertanian dan pelancongan di kawasan persekitaran. Kerajaan juga percaya, pada masa hadapan, kepadatan pembangunan di kawasan Iskandar Malaysia memerlukan peralihan pembangunan ke bandar satelit baru, termasuk di kawasan Parlimen Tenggara, untuk menyediakan perkhidmatan dan industri sokongan bagi menyokong pembangunan Iskandar Malaysia. Iskandar Malaysia dijangka menjadi pemangkin kepada pertumbuhan dan kemajuan ekonomi kawasan persekitaran termasuk Kota Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

Walaupun Kerajaan telah melancarkan Iskandar Malaysia sebagai satu projek pembangunan khusus, namun pihak Kerajaan Persekutuan ataupun Negeri tidak mengabaikan keperluan pembangunan di kawasan-

kawasan lain. Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), melalui saluran agensi pusat dan kementerian persekutuan serta negeri, juga menyediakan peruntukan bagi melaksana program pembangunan di kawasan-kawasan yang memerlukan perhatian. Pendekatan koridor diambil bagi mempercepatkan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi secara lebih pesat serta memastikan matlamat dan tanggungjawab pembangunan sosioekonomi dipikul bersama oleh Kerajaan dan sektor swasta tanpa mengabaikan faedah sosioekonomi dinikmati bersama oleh semua lapisan masyarakat di Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]
TARIKH : 13 NOVEMBER 2008
RUJUKAN : 1323

SOALAN :

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-

- (a) kedudukan terkini mengenai En. P. Balasubramaniam sejak beliau menghilangkan diri; dan
- (b) sama ada pihak polis memberi perlindungan keselamatan kepada beliau serta pihak polis mengetahui di negara mana beliau berada.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes tersebut telah pun selesai disiasat dan kertas siasatan kini telah dikemukakan kepada Pejabat Peguam Negara untuk pertimbangan pertuduhan di bawah Seksyen 199 Kanun Keseksaan (memberi keterangan palsu dalam satu akuan bersumpah). Pihak polis tidak mempunyai maklumat mengenai kedudukan beliau sekarang. Kali terakhir beliau dikesan pada 7 Julai 2008 apabila keterangan beliau dirakamkan di Bangkok.

Tuan Yang Dipertua,

Walaupun bagaimanapun, ingin saya tegaskan di sini bahawa pihak polis tidak pernah terlibat dalam memberi apa-apa perlindungan keselamatan terhadap beliau.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Tuan Mohd Yusmadi Bin Mohd
Yusoff [Balik Pulau]
TARIKH : 13 November 2008
SOALAN : Tuan Mohd Yusmadi Bin Mohd Yusoff
[Balik Pulau] minta MENTERI PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
sama ada terdapat penguatkuasaan dan kawalan
berkesan kepada pematuhan syarat-syarat
penggunaan pukut tunda dan pemantaun yang
dibuat tentang hal ini dan sama ada terdapat
langkah-langkah untuk membantu nelayan-
nelayan kecil yang menghadapi masalah
diakibatkan oleh penggunaan pukut tunda.

Tuan yang Dipertua,

Kawasan operasi menangkap ikan terbahagi kepada 4 Zon i.e. Zon A untuk vesel Tradisi bermuatan kurang daripada 40 GRT(Gross Registered Tonnage) dan Zon B hingga Zon C2 untuk vesel Komersial semua muatan dan vessel tradisi yang bermuatan melebihi 40 GRT. Pengezonan perairan menangkap ikan telah dilaksanakan sejak 1980an lagi bagi tujuan melindungi kawasan tangkapan vesel tradisi di samping usaha Kerajaan untuk melindungi dan memastikan sumber perikanan khususnya di perairan kurang daripada 5 batu nautika dari pantai terpelihara daripada kemusnahan.

Aktiviti kawalan oleh semua agensi Penguatkuasaan Maritim negara dijalankan secara berkala dalam usaha membentaras dan mencegah konflik akibat pencerobohan vesel Komersial khususnya vesel Pukat Tunda di Zon A.

Jabatan juga telah membina sepuluh stesen pemantauan di seluruh Negara khususnya di kawasan-kawasan yang sering dicerobohi oleh vesel Pukat Tunda. Pusat ini dikawal bersama nelayan dan Jabatan Perikanan secara bergilir. Contohnya Pusat Pemantauan Di Teluk Kumbar, Pulau Pinang.

Program membina tukun tiruan turut dilaksanakan sebagai strategi serampang dua mata iaitu untuk mencegah pencerobhan vesel Pukat Tunda dan sebagai usaha Jabatan untuk menambahbaik sumber perikanan di kawasan dasar laut yang telah dirosakkan.

Di samping itu program Komuniti Pengurusan Sumber Perikanan (KPSP) turut dilaksanakan dalam usaha Jabatan membantu komuniti setempat untuk mempelbagaikan pendapatan mereka melalui projek-projek ekonomi yang ditentukan sendiri oleh kumpulan tersebut.

SOALAN NO. (23)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN M.KULASEGARAN A/L V MURUGESON
(IPOH BARAT)**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2008 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B. TUAN M.KULASEGARAN A/L V MURUGESON (IPOH BARAT)
minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**
menyatakan :-

- (a) Kenapakah Kementerian ingin mengenakan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) terhadap Kerajaan Negeri di mana ianya boleh membebankan pembayar cukai dan berkemungkinan besar akan menelan kos yang berlebihan; dan
- (b) atas dasar apakah Kerajaan Tempatan akan dikecualikan daripada Akta ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) dilaksanakan bagi mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang bersepadu dan menyeluruh di seluruh negara bagi memastikan urusan berkaitan perancangan dan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam berjalan dengan lancar dan berkesan.

Penguatkuasaan Akta 672 adalah merupakan usaha Kerajaan dalam memperkemaskan pengurusan sisa pepejal di negara ini berikutan daripada masalah pengurusan sisa pepejal yang semakin serius. Jumlah unjuran sisa pepejal dijangka meningkat kepada 31,500 tan sehari pada tahun 2020 dan kos pengendalian juga meningkat. Ketidakupayaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam terutamanya dari aspek kewangan akan

mengakibatkan masalah pengurusan sisa pepejal negara bertambah buruk.

Pengurusan sisa pepejal adalah terletak dibawah Senarai Bersama, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan dan keputusan Kerajaan melaksanakan Akta 672 dapat membantu PBT mengatasi masalah kekangan dari segi aliran tunai memandangkan sebahagian besar daripada PBT membelanjakan 50% hingga 100% daripada jumlah cukai taksiran untuk perbelanjaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Seksyen 1 sub-seksyen 2 Akta 672 jelas disebutkan bahawa Akta ini terpakai bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah-Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan. Sehubungan dengan itu, tiada pengecualian boleh di buat ke atas mana-mana Kerajaan Tempatan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

November 2008

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN (AMPANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13.11.2008

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin (Ampang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Bank Negara membenarkan bank-bank mengenakan faedah dari keseluruhan jumlah hutang kad kredit dari penyata bulanan yang diterima, bukan lagi dari baki jumlah hutang yang belum berbayar. Jika ya, kenapa ia tidak diberitahu kepada pemegang kad kredit.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan yang menghendaki pengeluar kad mengamalkan struktur kadar faedah bertingkat (*tiered pricing*) bagi kad kredit dengan insentif diberikan kepada pengguna kad kredit yang mempunyai rekod pembayaran yang baik. Di bawah struktur ini, pemegang kad yang menyelesaikan sekurang-kurangnya jumlah

minima yang perlu dibayar setiap bulan tepat pada waktunya untuk 12 bulan berturut-turut, caj kewangan akan dikurangkan daripada kadar maksimum 18% setahun kepada tidak lebih daripada 15% setahun. Pemegang kad yang menyelesaikan sekurang-kurangnya jumlah minima yang perlu dibayar setiap bulan tepat pada waktunya untuk 10 bulan daripada kitaran 12 bulan, caj kewangan akan dikurangkan kepada tidak lebih daripada 17% setahun. Di samping itu, pengeluar kad kredit masih memberi tempoh sekurang-kurangnya 20 hari kepada pemegang kad untuk membuat pembayaran tanpa dikenakan caj kewangan sekiranya pemegang kad tersebut telah menyelesaikan sepenuhnya jumlah hutang dari penyata sebelumnya.

2. Pengeluar kad kredit telah memaklumkan perubahan dalam pengiraan kadar faedah yang dikenakan kepada pemegang kad masing-masing sejak bulan Disember 2007. Namun begitu, perubahan ini hanya berkuat kuasa dengan sepenuhnya pada bulan Julai 2008.

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' ISMAIL BIN KASIM [ARAU]

TARIKH : 13 NOVEMBER 2008 (KHAMIS)

SOALAN : Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan perkembangan penerima skim bantuan di bawah Skim Transformasi Usahawan Sektor Ternakan (TRUST) dapat membantu mengurangkan pengimportan daging terutamanya ayam tanpa had dari negara jiran dapat dikurangkan bagi jangka masa panjang.

JAWAPAN: MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua;

Penternakan ayam telah berkembang maju dengan dipelopori oleh sektor swasta dan perkembangannya telah mencapai kematangan. Oleh yang demikian, penglibatan kerajaan dalam industri ini adalah tertumpu kepada pemantauan berterusan untuk memastikan suasana pengeluaran yang baik. Kerajaan tidak mempunyai projek khusus seperti TRUST dalam industri ini.

Pada tahun 2008 ini, walaupun kerajaan telah membenarkan pengimportan sejumlah 20,000 MT daging ayam, namun sehingga kini hanya 173 MT sahaja pengimportan yang telah dilakukan. Ini kerana harga pasaran di Malaysia adalah setanding dengan negara-negara serantau malah lebih rendah berbanding sesetengah negara seperti Thailand.

Skim Transformasi Usahawan Sektor Ternakan (TRUST) yang dilaksanakan hanya terhad kepada program pembangunan industri lembu/kerbau pedaging dan kambing/bebiri pedaging sahaja. Sejak diperkenalkan pada tahun 2004, seramai 191 orang penternak telah mendapat manfaat daripada program ini. Program ini diadaptasikan dari program PINTAF / Pawah ternakan yang dilaksanakan oleh negeri - negeri cuma bezanya TRUST memberikan bantuan secara pinjaman dengan nilai ternakan yang lebih banyak. Secara keseluruhannya, sejumlah 4711 ekor lembu betina dan 292 ekor pejantan telah diagihkan dan sehingga kini, sejumlah 916 ekor anak telah dilahirkan. Ternyata Skim TRUST kini telah mampu menjana pengeluaran daging sebanyak 50 mt daging.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEDUA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**Daripada : Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[Hulu Langat]**

Tarikh : 13 November 2008

Soalan : 26

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan tentang sejauh mana :

- (a) perkembangan dan kejayaan projek Cyberjaya; dan
- (b) perkembangan projek Bandar Bio (Bio City). Apakah matlamat akhir projek Bio City dan sejauh manakah sumbangannya di dalam memanfaatkan tenaga tempatan dan syarikat tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

MSC Malaysia terhasil daripada ilham Kerajaan Malaysia untuk mentransfomasi negara ini dari sebuah negara yang berasaskan ekonomi perindustrian kepada ekonomi berasaskan pengetahuan.

Sehubungan dengan ini, bandar Cyberjaya dibangunkan sebagai nukleus MSC Malaysia dan sebuah hab ICT dunia untuk menarik pelaburan dengan menyediakan persekitaran yang ideal bersama infrastruktur bertaraf dunia. Sukacita saya maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Cyberjaya berada di landasan yang betul untuk mencapai objektif ini.

Sebagai sebuah hab ICT berstatus MSC Malaysia, Cyberjaya yang mempunyai keluasan 7,000 ekar telah dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur telekomunikasi, tenaga dan air yang lengkap, terkini dan disertakan jaminan perkhidmatan yang tinggi. Kedudukannya juga amat strategik iaitu di antara Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Bandaraya Kuala Lumpur dan dihubungi oleh beberapa lebuh raya utama manakala Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya hanya terletak beberapa minit sahaja perjalanan dari Cyberjaya.

Dari aspek pembangunan hartanah, 96% daripada ruang pejabat yang siap dibina pada waktu ini telah diduduki manakala 2,400 buah unit kediaman juga telah siap dibina dan mempunyai sijil layak menduduki (*certificate of fitness*).

Sebanyak 454 buah syarikat berstatus MSC Malaysia kini beroperasi di Cyberjaya yang mana 30 daripadanya adalah syarikat-syarikat gergasi seperti BMW, HSBC, Dell, DHL, SHELL, Ericsson, Motorola, Nokia dan Satyam yang menjadikan Cyberjaya sebagai pusat operasi mereka di peringkat serantau dan juga global.

Kemudahan pendidikan disediakan seperti sekolah rendah dan menengah serta sebuah sekolah berasrama penuh. Cyberjaya juga menjadi tempat pilihan untuk institusi-institusi pendidikan tinggi seperti *Limkokwing University College of Creative Technology* (LUCCT), Universiti Multimedia (MMU) dan Kolej Universiti Perubatan dan Sains Cyberjaya (CUCMS) yang mengambil para pelajar tempatan dan luar negeri dan turut menyumbangkan sebahagian daripada pekerja professional untuk keperluan syarikat-syarikat MSC Malaysia.

Tuan Yang DiPertua,

Cyberjaya kini mempunyai bilangan penduduk melebihi 36,000 orang yang terbahagi kepada warga kerja siang seramai 20,000 orang, 12,000 pekerja di waktu malam dan 4,000 orang yang tinggal di bandar tersebut. Hampir 20,000 daripada penduduk ini adalah pekerja professional (*knowledge-workers*).

Bagi memastikan penduduk di Cyberjaya menikmati gaya hidup moden dan seimbang, kemudahan riadah dan sukan untuk semua peringkat usia juga disediakan seperti Cyberjaya Sports Arena, Kelab Komuniti Cyberjaya, Tasik Cyberjaya di samping sebuah hotel bertaraf 5 bintang iaitu Cyberview Lodge Resort & Spa.

Sistem pengangkutan awam di Cyberjaya yang telah dipertingkatkan dan kini lebih efisien seperti *Dedicated Transport* memberi kemudahan terutamanya kepada warga kerja Cyberjaya yang tinggal di luar kawasan ini.

Visi utama Cyberjaya adalah menjadi sebuah bandar yang menggunakan kepakaran manusia untuk mentransformasi gaya kehidupan penduduk-penduduknya. Pada tahun 2011, Cyberjaya akan menjadi sebuah bandar yang boleh melahirkan tenaga kerja beranggaran 50,000 pekerja dan penduduk seramai lebih dari 120,000 orang.

Tuan Yang DiPertua,

Berhubung dengan Bandar Bio (*Bio City*), untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, projek Bandar Bio adalah merupakan satu inisiatif oleh Kerajaan Negeri Melaka bagi membangunkan industri bioteknologi di Negeri Melaka. YAB Ketua Menteri Melaka telah mengumumkan mengenai projek ini semasa menghadiri Persidangan BIO 2008, San Diego pada Jun lalu. Projek Bio City ini melibatkan keluasan 109 hektar di Kota Cemerlang, Ayer Keroh, Melaka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan projek ini adalah dikendalikan oleh Kerajaan Negeri, Kementerian sedia membantu untuk memberi nasihat dalam aspek teknikal bagi membangunkan Bio City memandangkan pihak Kementerian mempunyai pengalaman dalam membangunkan Taman Teknologi Malaysia dan Koridor Raya Multimedia. Pembangunan Bio City yang dicadangkan juga adalah selari dengan Dasar Bioteknologi Negara bagi mewujudkan industri bioteknologi di seluruh negara berkonsepkan Bio Nexus.

No: 27 .

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [SERDANG]
TARIKH : 13.11.2008 (KHAMIS)
SOALAN : 28

PUAN TEO NIE CHING [SERDANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sama ada Akta Amalan Perdagangan Adil (FTPA) akan meliputi undang-undang yang berlandaskan prinsip persaingan terbuka dan apakah impak Akta ini terhadap Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang kini memonopoli pasaran tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kini berada dalam fasa terakhir merangka deraf Rang Undang-Undang Amalan Perdagangan Adil. Objektif Rang Undang-Undang ini dirangka adalah bagi mengelakkan ketidakberkesanan pasaran yang telah menyebabkan wujudnya aktiviti monopoli, oligopoli dan pelbagai jenis kartel dan juga amalan perdagangan yang tidak adil yang seterusnya dapat memudaratkan pengguna.

Deraf Rang Undang-Undang Amalan Perdagangan Adil ini telah dirangka berlandaskan prinsip-prinsip undang-undang persaingan iaitu antaranya bagi menggalakkan dan melindungi

persaingan di pasaran, melahirkan para pengusaha yang dinamik serta berdaya saing tinggi, menyediakan peluang-peluang pasaran yang adil dan kompetitif untuk perniagaan serta mencegah amalan-amalan anti-persaingan yang wujud bukan sahaja melibatkan pasaran di negara ini, malah turut meliputi mana-mana amalan anti-persaingan yang dijalankan di luar tetapi memberi impak kepada ekonomi domestik.

Tuan Yang Dipertua,

Kenyataan yang menyebut GLC kini memonopoli pasaran tempatan adalah kurang tepat. Ini adalah kerana, GLC hanya menyumbang sebanyak lebih kurang 36% daripada modal saham Bursa Malaysia dan dari segi guna tenaga, GLC menyumbang lebih kurang 5% dari guna tenaga Malaysia.

Selaras dengan objektif Rang Undang-Undang Amalan Perdagangan Adil, mana-mana individu atau pengusaha yang menyalahgunakan kuasa dominan mereka, maka, tindakan akan diambil berlandaskan peruntukan-peruntukan yang termaktub dalam Rang Undang-Undang ini.

SOALAN NO: 28

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]

TARIKH : 13 NOVEMBER 2008

RUJUKAN : 1324

SOALAN:

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah banduan negara yang sedang menjalani hukuman 'natural life'.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Ahli Yang Berhormat** dari **Bukit Gelugor** yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik Jabatan Penjara pada 2 September 2008, terdapat seramai 79 orang banduan hukuman seumur hayat atau *natural life* yang sedang menjalani hukuman di seluruh institusi penjara. Mereka dihukum kerana pelbagai kesalahan di bawah Akta Senjatapi, Akta Dadah Merbahaya dan Kanun Kesiksaan iaitu yang membabitkan jenayah bunuh dan menderhaka kepada Yang di-Pertuan Agong.

Seramai 8 orang daripada mereka pada asalnya dikenakan hukuman mati oleh mahkamah tetapi telah diberikan peringanan hukuman kepada hukuman seumur hayat oleh Lembaga Pengampunan Negeri.

SOALAN NO. 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK RICHARD RIOT
ANAK JAEM (SERIAN)**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2008 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B. Datuk Richard Riot Anak Jaem (Serian) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jenis-jenis atau skim-skim bantuan yang diberikan oleh Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dan jumlah bantuan yang diberikan kepada para penerima dari tahun 1990 hingga sekarang.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan pelbagai skim bantuan kewangan kepada keluarga dan individu yang memerlukan bantuan bagi membantu mereka meneruskan penghidupan dengan lebih baik selaras dengan keadaan sosioekonomi mereka. Skim bantuan kewangan yang disediakan oleh JKM adalah seperti berikut :-

- i. Bantuan Kanak-Kanak – RM100 hingga RM450 sekeluarga sebulan;
- ii. Bantuan Orang Tua – RM300 seorang sebulan;
- iii. Elaun Pekerja Cacat – RM300 seorang sebulan;
- iv. Bantuan Penjagaan OKU Terlantar / Pesakit Kronik Terlantar – RM300 seorang sebulan;
- v. Bantuan Latihan Belia – RM200 seorang sebulan;

- vi. Bantuan Anak Pelihara – RM250 hingga RM500
sekeluarga sebulan;
- vii. Bantuan Am (Bagi WP Kuala Lumpur dan WP Labuan
sahaja) – RM80 hingga RM350 sekeluarga sebulan;
- viii. Bantuan Sekolah – RM180 hingga RM220 sekaligus;
- ix. Bantuan Pelancaran – RM2,700 sekaligus;
- x. Bantuan Bencana (bencana biasa seperti kebakaran
rumah kediaman/rumah kedai, rumah rosak dilanda angin
kencang/ribut dan sebagainya) – RM200 hingga RM5,000
(maksimum); dan
- xi. Bantuan Alat Tiruan/Alat Sokongan – mengikut kadar
sebenar kos alat yang diperlukan.

Jumlah bantuan yang diberikan kepada penerima bantuan adalah seperti berikut:

Jumlah Bantuan Kebajikan Dari Tahun 1999 Hingga 2007

TAHUN	JUMLAH KES	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1999	133,546	82,467,747
2000	88,669	78,206,680
2001	111,872	131,273,151
2002	127,161	146,301,707
2003	137,556	150,613,415
2004	142,156	197,374,500
2005	161,229	189,510,738
2006	178,666	242,150,124
2007	207,828	322,427,595
Jumlah	1,288,683	1,540,325,657

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam ucapan Bajet 2009 oleh YAB Perdana Menteri pada 29 Ogos 2008 yang lalu, Kerajaan telah memperkenalkan skim bantuan yang baru untuk Orang Kurang Upaya (OKU) yang tidak berupaya bekerja. Kadar bantuan yang disediakan adalah sebanyak RM150 sebulan berkuatkuasa mulai Januari 2009. Selain itu, syarat kadar pendapatan keluarga yang layak memohon bantuan kebajikan adalah berdasarkan kadar Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa iaitu RM720 bagi Semenanjung Malaysia, RM830 bagi Sarawak dan RM960 bagi Sabah dan Labuan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LIEW CHIN TONG
(BUKIT BENDERA)**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2008
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan jumlah peruntukan disediakan dalam Kajian Separuh Penggal RMK-9 untuk pembelian AWACS dan program penggantian NURI. Sila nyatakan sekali laporan penilaian tender program tersebut.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan yang disediakan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) untuk pembelian *Airborne Early Warning And Controls Systems (AEWACS)* adalah sebanyak RM1 juta manakala bagi program penggantian NURI adalah sebanyak RM889 juta.

Perolehan AEWACS masih dalam kajian Kerajaan manakala program penggantian Nuri telah ditangguhkan memandangkan keadaan kewangan negara pada masa ini yang tidak mengizinkan.

NW: 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN JOHN A/L FERNANDEZ
[SEREMBAN]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2008 (KHAMIS)

SOALAN : 32 31

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah terdapat perancangan untuk membaik pulih atau menaik taraf sistem landasan kereta api penumpang termasuk stesen perhentian dari kawasan Seremban ke Port Dickson dan bilakah ianya dijangka akan mula beroperasi bagi menarik ramai pelancong ke Port Dickson.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

1. Landasan Seremban-Port Dickson sepanjang 36 Km merupakan laluan lama yang telah siap pada 1895. Kerja-kerja pembaikpulihan dan menaik taraf landasan dilaksanakan dari masa ke semasa. Komponen yang dibuat penggantian adalah seperti berikut:-

- i. Peralatan lama;
- ii. Kayu landasan lama;
- iii. Rel BS 80A & 80R (beban gandar 16 tan); dan
- iv. Pengikat rel dari jenis elastik (*Pandrol* dan *Dorken*).

2. Di bawah RMK-8, kerja-kerja pembaikpulihan dan pengukuhan (*rehabilitation and strengthening*) diteruskan seperti berikut:-

No	Skop Kerja	Catitan
1.	<i>Spot renewal of sleepers – 7,000 unit Thermit welding – 1,500 joints</i>	Siap 9 Mac 2001
2.	<i>Spot renewal of sleepers – 2,298 unit</i>	Siap 15 Ogos 2001

3. Disamping itu, KTMB telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan landasan secara dalaman bagi memperbetulkan geometri landasan (*gauge/cross level*, dan sebagainya) dan menggantikan komponen landasan yang rosak. Penggantian komponen dalam tempoh 3 tahun lepas sehingga bulan Mei 2008 adalah seperti di bawah:

No.	Tahun	Kayu landasan (unit)		Rel (meter)	Catitan
		Landasan	Jambatan		
1.	2005	1,112	-	123.8	Kayu landasan gred B
2.	2006	1,597	-	123.8	Kayu landasan gred B
3.	2007	2,163	-	92.9	Kayu landasan gred B
4.	sehingga Mei 2008	934	36	74.3	Kayu landasan gred B
Jumlah		5,806	36	414.8	

Nota: Jumlah kayu landasan bagi sektor ini adalah sebanyak 68,500 unit

4. Ekoran daripada kejadian kegelinciran tren barang dari Depot Tapis Minyak Port Dickson ke Seremban pada 11 Julai 2008 yang lalu, baru-baru ini KTMB telah menjalankan kajian ke atas keseluruhan landasan dari Seremban ke Stesen Port Dickson melalui pemeriksaan kaki (*foot inspection*) dan pengukuran secara mekanikal. Kajian mendapati bahawa keadaan semasa landasan termasuk komponen landasan kayu, pengikat rel dan rel tidak efektif untuk mencapai *track tolerances* dan memerlukan kerja-kerja pembaikpulihan yang besar-besaran iaitu dalam lingkungan RM30 juta. Perkara ini pernah dibincangkan dengan Kerajaan Negeri Sembilan

memandangkan Ianya berpotensi dijadikan satu perkhidmatan untuk memenuhi segmen pelancongan. KTMB telah diminta membuat perancangan untuk membaiki landasan berkenaan.

5. Perkhidmatan keretapi di antara Seremban-Port Dickson telah terjejas akibat daripada kejadian kegelinciran yang telah berlaku pada 11 Julai 2008. Jabatan Keretapi pada 17 Julai 2008 telah mengarahkan KTMB memberhentikan buat sementara waktu operasi pengendalian perkhidmatan keretapi antara Seremban-Port Dickson sehingga landasan ini diperiksa dan dibaiki keseluruhannya oleh pihak KTMB, dan diperiksa semula oleh Jabatan Keretapi. Ianya akan dibenarkan dibuka semula apabila landasan dalam keadaan yang selamat untuk kendalian perkhidmatan keretapi termasuklah bagi membawa pelancong jika Kerajaan Negeri Sembilan ingin meneruskan projek tersebut.

NO. SOALAN : 32

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN
[ALOR GAJAH]

TARIKH : 13 November 2008

SOALAN :

Y.B. Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menjadikan laporan kewangan dan simpanan minyak Petronas lebih telus.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRONAS adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Sepertimana syarikat-syarikat lain, PETRONAS menyediakan laporan kewangan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan kehendak peruntukan perakaunan yang diperakui serta diaudit oleh dua juruaudit bertauliah antarabangsa iaitu KPMG dan Ernst & Young.

PETRONAS turut menerbitkan Laporan Tahunan lengkap dengan laporan kewangan dan operasi pada setiap tahun. Laporan Tahunan ini turut dimuatkan dalam laman web PETRONAS dan boleh dimuat-turun oleh pihak-pihak yang berminat.

Akaun PETRONAS juga diteliti oleh agensi-agensi penarafan (*rating agencies*) antarabangsa terkemuka seperti Standard & Poor dan Moody's dan agensi –agensi ini telah memberikan penarafan yang sama atau lebih baik daripada syarikat-syarikat minyak dan gas antarabangsa terkemuka.

Tuan Yang di Pertua,

Walaupun Kerajaan tidak bercadang untuk membentangkan akaun kewangan PETRONAS di Parlimen, namun Kerajaan sentiasa berusaha menjelaskan pertanyaan-pertanyaan Ahli-Ahli Yang Berhormat berhubung kedudukan kewangan, aktiviti-aktiviti yang diceburi serta lain-lain isu berkaitan PETRONAS dalam Dewan yang mulia ini. Kerajaan tidak pernah mengeneipkan pertanyaan-pertanyaan Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai PETRONAS. Oleh itu, tidak timbul soal ketelusan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.